



# **TAKLIMAT PERJANJIAN PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK (TPPA) BERSAMA AHLI PARLIMEN**

## **BAB 15: PEROLEHAN KERAJAAN**

MENARA MITI  
11 & 12 JANUARI 2016

# KANDUNGAN

- Objektif Bab Perolehan Kerajaan**
- Struktur Bab Perolehan Kerajaan**
- Prinsip Umum**
- Proses Perolehan**
- Peraturan Perolehan Kerajaan**
- Akses Pasaran Malaysia**
  - Agensi Kerajaan
  - Had Nilai Perolehan
  - Senarai Perolehan
  - Senarai Pengecualian
- Dasar Bumiputera**

# OBJEKTIF BAB PEROLEHAN KERAJAAN

Bab Perolehan Kerajaan mengandungi 2 komponen utama iaitu **teks** dan **tawaran akses pasaran** setiap negara TPP.

- **Teks:**
  - Menggariskan prinsip umum dan peraturan terperinci yang perlu dipatuhi oleh negara-negara TPP termasuk proses bagi penyelesaian aduan/bantahan oleh syarikat.
  - Memastikan **tadbir urus yang baik** melalui persaingan terbuka serta syarat/peraturan yang adil dan telus bagi penyertaan syarikat TPP dalam perolehan Kerajaan.
- **Tawaran akses pasaran:**
  - Membenarkan syarikat TPP menyertai perolehan Kerajaan yang tertakluk di bawah Perjanjian.
  - Membolehkan Kerajaan untuk mendapat **nilai faedah terbaik** melalui persaingan harga dan kepelbagaian bekalan dan perkhidmatan.

# STRUKTUR BAB PEROLEHAN KERAJAAN

1

## TEKS PEROLEHAN KERAJAAN

24 Artikel

1. Definisi
2. Skop
3. Pengecualian
4. Prinsip Umum
5. Langkah-langkah Peralihan
6. Penyiaran Maklumat Perolehan
7. Iklan Tender
8. Syarat-Syarat Penyertaan
9. Kelayakan Pembekal
10. Rundingan Terus
11. Rundingan
12. Spesifikasi Teknikal
13. Dokumen Tender
14. Tempoh Masa
15. Layanan Ke Atas Tender Dan Pemberian Kontrak
16. Maklumat Selepas Pemberian Kontrak
17. Penyataan Maklumat
18. Integriti Dalam Pelaksanaan Perolehan
19. Semakan Domestik
20. Pindaan Dan Pembetulan Kepada Lampiran
21. Memudahkan Penyertaan Perusahaan Kecil Dan Sederhana
22. Kerjasama
23. Jawatankuasa Perolehan Kerajaan
24. Rundingan Lanjut

2

## TAWARAN AKSES PASARAN (Jadual kepada Lampiran 15-A)

10 Seksyen

1. Seksyen A: Agensi Kerajaan Persekutuan
2. Seksyen B: Agensi Kerajaan Negeri
3. Seksyen C: Agensi-agensi Lain (Badan Berkanun dan Syarikat Kerajaan)
4. Seksyen D: Bekalan
5. Seksyen E: Perkhidmatan
6. Seksyen F: Kerja
7. Seksyen G: Pengecualian Tetap
8. Seksyen H: Formula Pelarasan Had Nilai Perolehan
9. Seksyen I: Penyiaran Maklumat Perolehan
10. Seksyen J: Langkah-langkah Peralihan

Seksyen A, B dan C turut mengandungi had nilai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja.

# PRINSIP UMUM

## Layanan Sama Rata

Memberi layanan sama rata ke atas bekalan/perkhidmatan dan syarikat dari negara TPP setara dengan layanan yang diberikan ke atas bekalan, perkhidmatan dan syarikat tempatan.

## Tanpa Diskriminasi

Memastikan tiada diskriminasi ke atas bekalan, perkhidmatan dan syarikat sama ada terhadap atau dalam kalangan negara TPP.

## Ketelusan

Menyiar maklumat mengenai perolehan kerajaan (contohnya undang-undang, dasar, peraturan), iklan, keputusan tender dan dokumen tender, termasuk spesifikasi teknikal dan kriteria penilaian di dalam dokumen tender.

## Offset

Melarang program offset, antaranya penetapan syarat penggunaan kandungan/syarikat tempatan, pemindahan teknologi, pelaburan, timbal balas.

## Penggunaan Kaedah Elektronik

Melaksanakan kaedah perolehan secara elektronik termasuk penyiaran maklumat, iklan dan keputusan tender serta memendekkan tempoh masa iklan tender.

# PROSES PEROLEHAN



# PERATURAN PEROLEHAN KERAJAAN

**TENDER TERBUKA**  
merupakan kaedah perolehan yang perlu dilaksanakan kecuali dalam keadaan yang tertentu

## KAEDAH PEROLEHAN



**2 peringkat TENDER TERHAD:**  
(Article 15.9: Qualification of Suppliers  
– Selective Tendering)

### Peringkat 1:

- Pelawa tender terbuka
- Penilaian untuk memilih syarikat yang layak untuk peringkat 2

### Peringkat 2:

- Pelawaan hanya kepada syarikat yang layak, iaitu melepassi peringkat 1

### Antara keadaan yang dibenarkan untuk RUNDINGAN TERUS:

(Article 15.10: Limited Tendering)

- Tiada tender dikemukakan semasa tender terbuka
- Berlaku pakatan harga
- Terdapat 1 syarikat sahaja
- Bekalan daripada pasaran/bursa komoditi
- Perolehan prototaip yang dibuat untuk tempoh percubaan
- VO tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal
- Darurat

# AKSES PASARAN MALAYSIA



## AGENSI KERAJAAN

Adakah semua perolehan yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan perlu dibuka kepada syarikat TPP?



## HAD NILAI PEROLEHAN

Apakah nilai perolehan yang perlu dibuka kepada syarikat TPP?



## SENARAI PEROLEHAN

Adakah semua jenis perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja perlu dibuka kepada syarikat TPP?



## SENARAI PENGECUALIAN

Adakah Malaysia mendapat pengecualian daripada TPPA?

Adakah pengecualian tersebut secara tetap atau sementara?



# AGENSI KERAJAAN

## Agensi Yang DITAWARKAN

- **Kerajaan Persekutuan:** semua kementerian & beberapa agensi di bawahnya
- **Badan berkanun:** 4 di bawah MITI

Nota: Tawaran tidak termasuk badan berkanun dan anak syarikat di bawah tanggungjawab agensi di atas.

## Agensi Yang TIDAK DITAWARKAN

- **Kerajaan Persekutuan:** beberapa agensi di bawah kementerian
- **Badan berkanun (130 – 4)**
- **Kerajaan negeri**
- **PBT**
- **Syarikat milik kerajaan**

## Pengecualian Khusus Bagi Kementerian Yang Ditawarkan

- ✓ **KDN** : Pertimbangan keselamatan
- ✓ **KPKT** : Program Perumahan Rakyat
- ✓ **MOE** : Pakaian seragam, buku teks, dan program susu dan makanan untuk kanak-kanak pra-sekolah dan sekolah
- ✓ **MOA** : perolehan dan pengagihan input untuk pengeluaran makanan-agro

# HAD NILAI PEROLEHAN

- Hanya perolehan yang melebihi had nilai yang ditetapkan perlu dibuka kepada syarikat TPP
- Had nilai perolehan** ditetapkan dengan permulaan had nilai yang tinggi dan dikurangkan secara berperingkat untuk **TEMPOH PERALIHAN** berikut:

Agenси Kerajaan Persekutuan	Had Nilai Permulaan	Had Nilai Akhir	Tempoh Peralihan (Tahun)
Bekalan	<b>SDR 1.5 juta</b> (RM 7.5 juta)	<b>SDR 130,000</b> (RM 650,000)	7
Perkhidmatan	<b>SDR 2 juta</b> (RM 10 juta)	<b>SDR 130,000</b> (RM 650,000)	9
Kerja	<b>SDR 63 juta</b> (RM 315 juta)	<b>SDR 14 juta</b> (RM 70 juta)	20

Badan Berkanun	Had Nilai Permulaan	Had Nilai Akhir	Tempoh Peralihan (Tahun)
Bekalan	<b>SDR 2 juta</b> (RM 10 juta)	<b>SDR 150,000</b> (RM 750,000)	7
Perkhidmatan	<b>SDR 2 juta</b> (RM 10 juta)	<b>SDR 150,000</b> (RM 750,000)	9
Kerja	<b>SDR 63 juta</b> (RM 315 juta)	<b>SDR 14 juta</b> (RM 70 juta)	20


*Nota: Had nilai perolehan dinyatakan dalam IMF Special Drawing Rights (SDR). Nilai dalam RM adalah untuk perbandingan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran. Bagi tujuan perbandingan, kadar tukaran SDR 1 bersamaan RM 5.*



# Had Nilai Perolehan BEKALAN & PERKHIDMATAN

## Agenси Kerajaan Persekutuan

**Tempoh Peralihan Bagi Perolehan Bekalan (7 tahun) & Perkhidmatan (9 tahun)  
Untuk Malaysia**



*Nota: Had nilai perolehan dinyatakan dalam IMF Special Drawing Rights (SDR). Nilai dalam RM adalah untuk perbandingan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran. Bagi tujuan perbandingan, kadar tukaran SDR 1 bersamaan RM 5.*


*Disclaimer: This document is for information purposes only, and does not constitute legal advice*



# Had Nilai Perolehan KERJA

## Agenzia Kerajaan Persekutuan

Tempoh Peralihan Bagi Perolehan Kerja (20 tahun) Untuk Malaysia



Nota: Had nilai perolehan dinyatakan dalam IMF Special Drawing Rights (SDR). Nilai dalam RM adalah untuk perbandingan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran. Bagi tujuan perbandingan, kadar tukaran SDR 1 bersamaan RM 5.

Disclaimer: This document is for information purposes only, and does not constitute legal advice

# SENARAI PEROLEHAN

## Perolehan Yang Ditawarkan Oleh Malaysia

Semua jenis **BEKALAN** ditawarkan kecuali berkaitan *beras, elektrik, air semula jadi*



Sebahagian besar **PERKHIDMATAN** ditawarkan. Antara perkhidmatan yang tidak ditawarkan adalah *perkhidmatan kewangan, pemeringkatan plasma, hotel & restoran, pos, pembentungan, pembersihan persekitaran*

Semua jenis **KERJA** ditawarkan kecuali berkaitan *pengerukan, cerun*



# SENARAI PENGECUALIAN


## Pengecualian UMUM

*Pengecualian ini dinikmati oleh semua negara TPP*

- ✓ Keselamatan
- ✓ Keperluan melindungi moral, ketenteraman dan keselamatan awam
- ✓ Keperluan melindungi kehidupan manusia, haiwan atau tumbuhan, atau kesihatan
- ✓ Keperluan melindungi harta intelek
- ✓ Perolehan bekalan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh individu kelainan upaya atau banduan, atau sumbangan oleh dermawan atau organisasi bukan berdasarkan keuntungan
- ✓ Perjanjian tanpa kontrak atau bantuan dalam bentuk perjanjian kerjasama, geran, pinjaman, cagaran, subsidi dan tajaan
- ✓ Perolehan dilaksanakan dalam menyediakan bantuan di peringkat antarabangsa termasuk bantuan pembangunan
- ✓ Perolehan dibiayai oleh organisasi antarabangsa atau geran, pinjaman atau bantuan daripada pihak antarabangsa/asing, hanya sekiranya organisasi atau penderma mengehadkan penyertaan syarikat daripada negara TPP
- ✓ Perolehan dilaksanakan di bawah perjanjian antarabangsa berkaitan penempatan pasukan pengaman atau tentera atau pelaksanaan projek secara bersama oleh negara terlibat
- ✓ Perolehan dilaksanakan di luar negara untuk pejabat perwakilan Malaysia

# SENARAI PENGECAULIAN

## Pengecualian TETAP Bagi Malaysia






# SENARAI PENGECUALIAN

## Pengecualian SEMENTARA Bagi Malaysia

*Penangguhan Pelaksanaan Obligasi Tertentu Melalui Langkah Peralihan*



# KEKELIRUAN MENGENAI DASAR BUMIPUTERA



Malaysia hilang hak kedaulatan untuk meneruskan Dasar Bumiputera dalam perolehan Kerajaan.



Tiada lagi keutamaan untuk kontraktor Bumiputera.



Tiada lagi keutamaan harga untuk syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan (MOP).

# PELAKSANAAN DASAR BUMIPUTERA DI BAWAH TPPA

- Secara prinsipnya, Malaysia masih boleh meneruskan dasar Bumiputera dalam perolehan kerajaan setelah TPPA berkuat kuasa.
- Malaysia memelihara hak untuk memberi taraf Bumiputera kepada syarikat yang layak berdasarkan definisi Bumiputera yang diguna pakai dalam perolehan kerajaan.
- Namun, terdapat beberapa perubahan akan dibuat ke atas pelaksanaan dasar Bumiputera dalam perolehan kerajaan.

# Perolehan Kerja

Perolehan yang TIDAK TERTAKLUK di bawah TPPA	Perolehan yang TERTAKLUK di bawah TPPA
Menyediakan <u>sekurang-kurangnya</u> 30% daripada nilai kontrak perolehan kerja tahunan untuk kontraktor Bumiputera.	Menyediakan <u>setakat</u> 30% daripada nilai kontrak perolehan kerja tahunan untuk kontraktor Bumiputera.

CONTOH:

Nilai kontrak tahunan Agensi (perolehan kerja) = RM 450 juta

100 projek

Projek DI BAWAH Had Nilai RM 70 juta

RM 200 juta

97 projek

*Sekurang-kurangnya 30%  
daripada RM200 juta*

Projek MELEBIHI Had Nilai RM 70 juta

RM 250 juta

3 projek

*30% daripada RM250 juta  
= RM 75 juta*

# Keutamaan Harga (MOP) untuk PEMBEKAL - Bekalan dan Perkhidmatan

## MOP Semasa &

## MOP untuk perolehan yang

## TIDAK TERTAKLUK di bawah TPPA

## MOP untuk perolehan yang TERTAKLUK di bawah TPPA

Nilai tender	% MOP untuk Bumiputera
> RM100K- RM500K	10%
> RM500K - RM1.5 juta	7%
> RM1.5 juta - RM5 juta	5%
> RM5 juta - RM10 juta	3%
> RM10 juta - RM15 juta	2.5%
> RM15 juta	0

Nilai tender	% MOP untuk Kategori 1:	% MOP untuk Kategori 2:
	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Syarikat Bumiputera yang menyediakan bekalan/ perkhidmatan dari Malaysia atau negara TPPA</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Syarikat Bumiputera yang menyediakan bekalan/ perkhidmatan dari negara bukan TPPA</i></li> <li><i>Syarikat Bukan Bumiputera &amp; syarikat TPPA yang menyediakan bekalan/ perkhidmatan dari negara TPPA, terhad kepada perolehan yang tertakluk di bawah TPPA sahaja</i></li> </ul>
> RM500K - RM1.5 juta	7%	3.5%
> RM1.5 juta - RM5 juta	5%	2.5%
> RM5 juta - RM10 juta	3%	1.5%
> RM10 juta - RM15 juta	2.5%	1.25%
> RM15 juta	0	0

Nota: i) MOP bagi Kategori 1 & 2 terpakai hanya kepada perolehan yang tertakluk di bawah TPPA.

ii) Bagi perolehan yang tidak tertakluk di bawah TPPA termasuk perolehan >RM100K - RM500K, MOP semasa terpakai kepada semua syarikat Bumiputera.

# Keutamaan Harga (MOP) untuk PEMBUAT

MOP Semasa & MOP untuk perolehan yang TIDAK TERTAKLUK di bawah TPPA	MOP untuk perolehan yang TERTAKLUK di bawah TPPA
---	---

- Mengekalkan keutamaan harga sedia ada kepada pembuat Bumiputera seperti berikut:

Nilai tender	% keutamaan harga kepada pembuat Bumiputera
Sehingga RM10 juta	10%
Melebihi RM10 juta - RM100 juta	5%
Melebihi RM100 juta	3%

# Kontrak Pusat & Kontrak Panel

Perolehan TIDAK TERTAKLUK di bawah TPPA	Perolehan yang TERTAKLUK di bawah TPPA
<p><b>KONTRAK PUSAT</b></p> <p>Kerajaan boleh mempertimbangkan item di bawah Kontrak Pusat untuk syarikat tempatan</p>	<p>Kerajaan masih boleh terus melaksanakan perolehan untuk 6 item daripada syarikat tempatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Perkhidmatan poslaju;</li> <li>ii) Sampul surat;</li> <li>iii) <i>High density polyethylene fittings</i>;</li> <li>iv) Alat pemadam api mesra alam;</li> <li>v) Perisian dan perkakasan Microsoft (Master Licensing Agreement); dan</li> <li>vi) Peluru senjata laras kecil dan alat <i>pyrotechnics</i>.</li> </ul>
<p><b>KONTRAK PANEL</b></p> <p>Kerajaan boleh mempertimbangkan item di bawah Kontrak Panel untuk syarikat tempatan sahaja</p>	<p>Terbuka kepada syarikat tempatan dan syarikat TPP. MOP (seperti di slaid #20 &amp; #21) adalah terpakai untuk pembekal dan pembuat.</p>

# Ringkasan Akses Pasaran Malaysia



## HAD NILAI PEROLEHAN

**Bekalan & Perkhidmatan:** SDR 130,000 (RM650,000) dengan langkah peralihan

**Kerja:** SDR 14 juta (RM 70 juta) dengan langkah peralihan



## AGENSI KERAJAAN

**Kerajaan Persekutuan:** semua kementerian & beberapa agensi di bawahnya

**Badan berkanun:** 4 di bawah MITI

**Kerajaan negeri dan PBT:** TIADA

**Syarikat milik kerajaan:** TIADA



## SENARAI PEROLEHAN

**Bekalan:** semua jenis kecuali beras, elektrik, air semula jadi

**Perkhidmatan:** sebahagian besar perkhidmatan

**Kerja:** semua jenis kerja kecuali berkaitan pengurukan, cerun



## SENARAI PENGECUALIAN


**Pengecualian umum**

**Pengecualian tetap bagi Malaysia**

**Pengecualian sementara bagi Malaysia melalui langkah peralihan**



# Perolehan BEKALAN dan PERKHIDMATAN



*Nota: Had nilai perolehan dinyatakan dalam IMF Special Drawing Rights (SDR). Nilai dalam RM adalah untuk perbandingan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran. Bagi tujuan perbandingan, kadar tukaran SDR 1 bersamaan RM 5.*

*Disclaimer: This document is for information purposes only, and does not constitute legal advice*



# Perolehan KERJA

## HAD NILAI PEROLEHAN

**SDR 63 juta**  
(RM 315 juta)

**SDR 50 juta**  
(RM 250 juta)

**SDR 40 juta**  
(RM 200 juta)


**SDR 30 juta**  
(RM 150 juta)

**SDR 14 juta**  
(RM 70 juta)

**SDR 5 juta**  
(RM 25 juta)

## DIKECUALIKAN:

- Perolehan oleh agensi Krjn. Persekutuan (yang tidak ditawarkan), badan berkanun, krjn. negeri, PBT, SOE
- Istana Negara
- Program pembangunan luar bandar & pembasmian kemiskinan
- PPP
- Tujuan keagamaan
- Keselamatan
- Program Perumahan Rakyat
- 30% daripada peruntukan perolehan kerja tahunan untuk Bumiputera



1

TAHUN

*Nota: Had nilai perolehan dinyatakan dalam IMF Special Drawing Rights (SDR). Nilai dalam RM adalah untuk perbandingan sahaja dan tertakluk kepada kadar pertukaran. Bagi tujuan perbandingan, kadar tukaran SDR 1 bersamaan RM 5.*

**SEKIAN, TERIMA KASIH**